BH ONLINE

Jumaat, 27 Mei 2022, 2:46pm

App Store Google Play

PASARAN KORPORAT AUTO HARTANAH TEKNOLOGI USAHAWAN LAIN-LAIN (BISNES)

# AHB umum agihan pendapatan 2.50 sen seunit

April 6, 2022 @ 4:40pm




Amanah Hartanah Bumiputera (AHB)

KUALA LUMPUR: Pelaburan Hartanah Bhd (PHB) dan Maybank Asset Management Sdn Bhd (MAM) mengumumkan pengagihan pendapatan interim untuk Amanah Hartanah Bumiputera (AHB) sebanyak 2.50 sen seunit untuk tempoh enam bulan berakhir 31 Mac 2022.

Ini terdiri daripada agihan pendapatan asas sebanyak 2.15 sen seunit dan agihan bonus 0.35 sen seunit.

Pengagihan bonus disumbangkan oleh PHB, sebagai penaja AHB, dan diagihkan untuk 500,000 unit pertama yang dipegang oleh pemegang unit.

Pengarah Urusan Kumpulan PHB, Datuk Mahmud Fauzi Muda berkata agihan 2.50 sen seunit adalah lebih tinggi sedikit berbanding agihan interim enam bulan tahun sebelumnya iaitu sebanyak 2.35 sen seunit, yang mencerminkan trend positif.

## DISYORKAN UNTUK ANDA

- **Public Mutual agih RM164 juta bagi 23 dana**
- **Pendapatan 2021 Hektar Reit susut 13.1 peratus**
- **SCGM jual anak syarikat kepada Mitsui, FPCO**
- **Public Bank catat untung RM5.66 bilion**

"AHB mengagihkan pendapatan dua kali setahun dan pengagihan pendapatan terakhir, jika ada, akan diagihkan pada Oktober 2022," katanya dalam satu kenyataan hari ini.




TERKINI PILIHAN PEMBACA

- 4m Kereta terjunam dalam Sungai Rajang
- 6m Kuasa PM rombak Kabinet - Mahdzir
- 8m COVID-19: Jepun longgar amaran perjalanan
- 11m Ekonomi Malaysia dijangka terus berkembang
- 27m Wanita didakwa perdaya individu RM900,000
- 27m WHO kutuk serangan Russia di Ukraine
- 32m RM30,000 hasil rasuah urus jenazah
- 40m Pelayar Perancis ditahan, masuki perairan secara haram

## VAKSIN



EROPAH Mei 23, 2022 @ 6:48am

Pengeluar ubat syor tindak balas pandemik untuk negara miskin



NASIONAL Mei 20, 2022 @ 8:57am

30.6 peratus kanak-kanak di Malaysia lengkap vaksin COVID-19



NASIONAL Mei 16, 2022 @ 9:32am

COVID-19: 30 peratus kanak-kanak lengkap vaksinasi

NASIONAL Mei 14, 2022 @ 11:22am

PHB turut merancang untuk menambah satu bilion unit AHB baharu pada 2022, tambahnya.

Sejak 2011, AHB telah membayar pendapatan dividen kira-kira RM1.7 bilion kepada pelabur.

Harga AHB ditetapkan pada RM1 seunit, dengan ciri-ciri menarik seperti pengeluaran segera, patuh Syariah, dan pengagihan pendapatan sebanyak dua kali setahun.

Pengagihan pendapatan tunai akan dikreditkan terus ke dalam akaun bank pemegang unit manakala pengagihan pendapatan unit akan dikreditkan ke dalam akaun AHB pada 14 April 2022.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif MAM, Ahmed Muzni Mohamed, berkata seperti yang diumumkan pada Oktober 2021, syarikat itu yang juga pengurus dana PHB kini bersedia untuk melaksanakan skim pelaburan semula yang mana pengagihan pendapatan akan dibuat dalam bentuk unit dan /atau tunai, terutamanya kepada pemegang unit runcit.

"Bagi pengagihan pendapatan interim ini, pemegang unit runcit yang mempunyai purata baki bulanan minimum 10,000 unit dan kurang, akan menerima agihan pendapatan secara tunai manakala mereka yang mempunyai lebih daripada 10,000 unit, akan menerima agihan pendapatan dalam bentuk unit AHB.

"Pemegang unit institusi akan terus menerima agihan pendapatan dalam bentuk wang tunai," katanya.

Ahmed Muzni turut menjelaskan bahawa pelabur boleh memilih untuk menukar agihan pendapatan mereka dalam unit AHB kepada tunai di cawangan bank kerana AHB membenarkan pengeluaran atau penebusan pada kadar segera.

PHB ialah cabang operasi tunggal Yayasan Amanah Hartanah Bumiputera, sebuah institusi amanah di bawah bidang kuasa kerajaan.

-BERNAMA


## BERITA BERKAITAN




LAIN-LAIN (BISNES) Mac 30, 2022 @ 1:15pm

**ASB 2 umum agihan pendapatan 4.30 sen seunit**




LAIN-LAIN (BISNES) Dis 23, 2021 @ 10:44am

**ASB: Agihan pendapatan 5.0 sen seunit**







NASIONAL Mei 14, 2022 @ 11:22am

**Lebih 28 peratus kanak-kanak di Malaysia lengkap vaksinasi COVID-19**

NASIONAL Mei 10, 2022 @ 9:55am



**26.6 peratus kanak-kanak sudah lengkap vaksinasi**



AMERIKA Mei 6, 2022 @ 10:14am

**Bukti meningkat keperluan kaji 'long COVID' - Penyelidik**

## TRENDING



KES 27 minit yang lepas

**Wanita didakwa perdaya individu RM900,000**



NASIONAL 3 jam yang lepas

**Polis tingkat kawalan di Stadium Nasional Bukit Jalil**



NASIONAL 3 jam yang lepas

**'Kedudukan kerajaan hari ini tidak stabil' - Tengku Razaleigh**



NASIONAL 4 jam yang lepas

**Pemuda UMNO senada Majlis Presiden PH**




ASEAN Mei 26, 2022 @ 4:01pm

**Singapura beri amaran jangan beli, minum 'Prime Kopi Pejuang 3 in 1'**

## OHBULAN



TIKET KONSERT MAHAL 36 minit yang lepas

**Dikecam Harga Tiket Konsert Mahal, Aina Abdul Rasa Tak Adil Dibanding Dengan...**



WANITA HAMIL 3 jam yang lepas

**Wanita Hamil Tampal Nota, Mohon Maaf Kalau Perlahan**



WAK DOYOK 3 jam yang lepas

**Ibu Wak Doyok 'Reject' Calon Menantu Status Janda, Kena Cari Anak Dara**



VAKSINASI REMAJA 3 jam yang lepas

**Ini Apa Yang Ibu bapa & Penjaga Perlu Tahu Tentang Vaksinasi Covid-19 Buat...**



KINI TRENDING 3 jam yang lepas

**Penyampai Berita Legenda Buat 'Comeback' Sempena Ulang Tahun TV3**